

## Kemahiran dan Sikap Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Fauzi Hassan, Aiba Tok, Nor Asiah Ismail, Mohd Nor Mohamed

### Kata Kunci:

Kata Kunci: KBAT, Pelajar, Kemahiran, Sikap



Download  
Full PDF

### Abstrak:

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Responden kajian ini adalah seramai 159 pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017 daripada enam buah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu, iaitu IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTA), IPG Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), IPG Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI), IPG Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM), IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dan IPG Kampus Keningau (IPGKK). Data-data yang diperoleh dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan *Statistical Package of Science Social* (SPSS) Versi 23.0. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Borang soal selidik yang digunakan adalah dalam bentuk *Google Form* dengan lima skala Likert untuk dianalisis secara deskriptif bagi mengukur tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhananya, dapatkan hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap kemahiran adalah tinggi, iaitu 4.26 manakala bagi tahap sikap juga adalah tinggi, iaitu 4.47. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada pihak yang bertanggungjawab, misalnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), IPGK dan Jabatan Pengajaran Melayu (JPM) bagi merangka strategi untuk memperkasa dan memartabatkan lagi kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

### Keywords:

Keywords: HOTS, Students, Skills, Attitudes

### Abstract:

The implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) among Malay teachers are still at a low level. Therefore, this study is aimed to identify the skills and attitudes of Bachelor of Education or *Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)* students towards the implementation HOTS in teaching and learning Malay Language. The respondents are 159 students of PISMP Malay Language intake June 2017 of six *Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)* which offers Bahasa Melayu courses namely *IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTA)*, *IPG Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI)*, *IPG Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI)*, *IPG Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM)*, *IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK)* and *IPG Kampus Keningau (IPGKK)*. The data obtained and collected were analyzed using Statistical Package of Social Science (SPSS) Version 23.0. This study uses a survey research design. A Google Form is used for the questionnaire with five Likert Scale for descriptive analysis to evaluate the level of skills and attitudes of PISMP students towards implementation HOTS in teaching and learning of Bahasa Melayu. Overall, the findings of the study show that the mean value for the skill level is high, which is 4.26 while for the attitude level is also high, which is 4.47. This indicates that the level of skills and attitudes of PISMP students towards implementation of HOTS in teaching and learning of Bahasa Melayu is high. The importance of this study is to provide exposure to the appropriate authorities, such as Ministry of Education (MOE), Institut Pendidikan Guru (IPG), IPGK and Department of Pengajaran Melayu (JPM) to develop strategies for empowering and enhancing the skills and attitudes of PISMP students towards implementing HOTS in the process of teaching and learning Bahasa Melayu.